

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB. DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD
RAHMAN**

KAWASAN : TANJONG MANIS

SOALAN:

**YB. DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN (TANJONG
MANIS)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sama ada
Kementerian dapat memberi rebat kepada ibu bapa yang
menggunakan lebuh raya bertol bagi menghantar anak yang berdaftar
sebagai orang kurang upaya (OKU) yang menggunakan lebuh raya
bertol bagi menghantar dan mengambil anak mereka ke sekolah khas
OKU.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kebenaran pengecualian tol untuk kenderaan tertentu dibuat berasaskan kepada Perjanjian Konsesi dan Akta Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) 1984. Manakala pemberian rebat atau diskaun tol ialah inisiatif yang dilaksanakan oleh beberapa syarikat konsesi lebuh raya tertentu seperti PLUS dan LDP mengikut terma dan syarat yang telah ditentukan.

Pada masa kini, pengecualian tol hanya diberikan kepada motosikal beroda tiga atau empat yang digunakan OKU di Jambatan Pulau Pinang, Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah dan Lebuhraya LINKEDUA.

Mengenai cadangan pemberian rebat tol kepada golongan Orang Kelainan Upaya (OKU), perkara ini memerlukan kajian dan rundingan dengan pihak-pihak yang terlibat seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan pihak konsesi lebuh raya. Sehubungan itu, cadangan Ahli Yang Berhormat ini akan diberikan perhatian dan pertimbangan oleh kementerian ini.

Sekian, terima kasih.